

# Agama Islam dalam Membentuk Riwayatnya

## Kedatangan Islam ke Gugusan Pulau-Pulau Melayu

Oleh: Miyaris – Kolej Islam Malaya

### Perkembangan Islam di Tanah Arab:

Sebelum memperkatakan riwayat kedatangan Islam ke gugusan pulau-pulau Melayu, eloklah rasanya kita kembali ke belakang sedikit untuk meninjau ke arah tempat mula timbulnya Islam. Sebagaimana diketahui sebelum lahirnya Islam ke alam luas ini, keadaan manusia di muka bumi ini sentiasa dalam huru-hara, kacau-bilau, di sana sini di seluruh pelosok alam berlaku pembunuhan<sup>1</sup> dengan tidak berhenti-henti, lebih-lebih lagi di negeri Arab.

Maka oleh sudah menjadi suatu sejarah perkitaran dan pemberontakan alam yang hebat dan inilah suatu perkitaran yang paling besar dalam sejarah dunia, pada tahun Masihi 571, Tuhan telah mengutuskan Nabi Muḥammad anak ‘Abdullāh dari suku Quraysh yang akhirnya pada tahun Masihi 611 menjadi lampu suluh bagi manusia di alam maya ini membongkar dan menghapuskan segala kesesatan dan kekarutan dan menegakkan kebenaran serta petunjuk dari Tuhan. Baginda tampil ke tengah-tengah masyarakat yang kotor itu sebagai pejuang utama – pesuruh Tuhan – di dalam sejarah perkembangan Islam di seluruh dunia ini dengan tidak sedikit pun menghiraukan segala rintangan dan halangan serta tentangan

dari masyarakat seluruhnya. Kemudian perjuangannya itu diikuti pula oleh pejuang-pejuang Islam yang lain hingga hari ini tidak putus-putusnya.

Islam mula berkembang di negeri Makkah pada awal kurun masihi yang ketujuh. Setelah itu kira-kira pada pertengahan kurun itu merebaklah pula Islam ke negeri di sekeliling Makkah seperti Madinah, Yaman, Iraq, Sham, Mesir, Parsi (Iran) dan seterusnya.

### Perkembangan Islam di India:

Telah menjadi kebiasaan (tabiat) bagi perkembangan sesuatu agama dan tiap-tiap yang benar itu akan terus menerus hidup dan berkembang mendapat sambutan baik, tambahan pula Tuhan sentiasa menolong menegakkan kebenaran Islam maka pejuang-pejuang Islam yang terdiri dari bangsa (Arab dan – P. Q.) Parsi terus menyebarkan pula Islam yang telah mempengaruhi negerinya ke India. Dan dengan kegiatan merekalah maka pada akhir kurun masihi yang ketujuh atau pada awal kurun masihi yang kedelapan Islam telah pun berkembang di India di suatu tempat yang bernama Gujarat di Teluk Khambhat (*Cambay*) iaitu berhampiran dengan Pakistan barat sekarang. Kedatangan Islam ke India ini tidaklah begitu rumit bagi pengembang-pengembangnya, kerana semenjak kurun masihi yang pertama lagi telah ada perhubungan antara orang-orang Arab

<sup>1</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya ‘pembunuhan’.

dengan orang-orang penduduk di negeri-negeri di sebelah timur seperti China, India dan kepulauan Melayu kita ini.

Walaupun pada mulanya perhubungan mereka itu hanya merupakan perhubungan perdagangan tetapi telah ramai orang-orang Arab yang terus berpindah meninggalkan negerinya dan tinggal atau diam di India dan negeri-negeri lain ke tepi-tepi laut. Mereka ini kebanyakan mempunyai keluarga yang tetap tinggal di tanah Arab.

Ahli-ahli *tārīkh* ada menyebutkan bahawa setelah Islam berkembang di seluruh negara Arab timbullah pula perasaan di hati mereka yang beragama Islam yang ada sanak saudara dan kaum keluarganya di luar negeri akan

perasaan keIslaman supaya semua keluarganya beragama Islam juga seperti mereka. Dengan hal yang demikian mereka pun berusaha mengIslamkan keluarganya yang berada di luar negeri itu. Dan dengan tidak begitu susah dapat mereka sebarkan Islam di India untuk memancarkan cahayanya yang gilang gemilang itu di sana.

Pada mulanya kedudukan orang-orang Islam di India itu tidak begitu dicurigai oleh pemerintah Hindu yang telah sedia ada di India pada masa itu. Tetapi lama kelamaan Islam bertambah merebak sehingga kalau dibiarkan mungkin dalam masa yang singkat sahaja akan dapat menenggelamkan agama Hindu yang telah rasmi di sana dan menjadi anutan



*Pelajar-pelajar Madrasah 'Alawiyah Perlis, (qismu khāmis thānawī), bergambar ramai untuk kenang-kenangan, pada hari menaikkan bendera rasmi madrasah itu. Bertanda (1) ialah Tuan Nazir al-Sayyid 'Abd Albar dan di sebelah kanan beliau ialah Ustaz 'Abdul Qadir Ismail.*

atau ikutan seluruh penduduk-penduduk India semenjak berabad-abad dan telah sebat dengan darah daging mereka, tetapi akan musnah oleh kebenaran Islam, maka timbullah cemburu di kalangan pembesar-pembesar Hindu lalu memulakan tindakan-tindakan terhadap Islam dan pemeluk-pemeluknya di negeri itu sehingga pernah berlaku perang dan pergaduhan yang tidak diinginkan.

#### **Kejadian yang menambahkan cemerlangnya Islam di India:**

Ahli- ahli *tārīkh* ada mencatat dan menceritakan suatu kejadian, iaitu pada tahun masihi 712 belayarliah sebuah kapal berisi orang-orang Islam menuju ke bandar Basrah dengan tidak diketahui tujuannya. Apabila sampai di perairan suatu tempat Debal (Daebol) namanya, sekarang mungkin dinamakan Karachi – iaitu kepala negeri Pakistan – kapal itu pun ditahan oleh raja di tempat itu yang beragama Hindu, namanya Dahir, lalu menawannya dengan isi-isinya sekali. Tetapi dengan kehendak Tuhan hendak meneruskan perjuangan Islam dan menegakkannya di India maka ada di antara orang-orang Islam yang ditawan itu dapat melarikan dirinya, lalu meneruskan perjalanannya ke Basrah. Sampainya di sana mereka pun masuk mendapatkan gabenor Basrah, al-Hajāj ibn Yusuf, lalu menceritakan segala kejadian yang berlaku ke atas orang-orang Islam itu satu persatu.

Apalagi al-Hajāj pun tidak bertanggung daripada menolong orang-orang Islam itu lalu melengkapkan bala tenteranya pergi menuntut supaya raja Dahir membebaskan orang-orang Islam yang ditawannya itu. Jika tidak, maka negerinya akan dilanggar oleh tentera Islam.

Bala tentera al-Hajāj dengan diketuai seorang pahlawan berusia tujuh belas tahun, Muhammad ibn Qasim namanya, bertolak ke Debal. Oleh kerana raja Hindu yang

tersebut enggan membebaskan orang-orang Islam yang ditawan itu, maka bala tentera al-Hajāj pun menyerang dan mengalahkannya.

Dengan kemenangan tentera Islam itu timbullah sebuah negara Islam di Debal menggantikan tempat kerajaan Hindu yang kejam itu. Dari sini merebaklah pula Islam ke Multan, melebar dan tempat-tempat lain di sekitar India.

#### **Perkembangan Islam ke Tanah Besar China:**

Tidak setakat ini sahaja perkembangan Islam itu bahkan terus menerus berkembang masuk ke tanah besar China pada masa pemerintahan khalifah 'Amīr al-Mu'minīn 'Umar ibn al-Khaṭṭāb. Ini ada tersebut di dalam *tārīkh* China yang mengatakan bahawa pada kurun masihi yang ketujuh utusan Islam sampai ke Tanah Besar China iaitu dengan suruhan dari ketua Islam yang bernama Ha-Mi-Mu-Mie-Ni; menurut kata setengah ahli *tārīkh* perkataan ini adalah kepelatan lidah orang-orang Cina menyebut “‘Amīr al-Mu'minīn” dan ketua Islam yang mula-mula sekali bergelar 'Amīr al-Mu'minīn ialah Sayyidinā 'Umar ibn al-Khaṭṭāb.

Ahli *tārīkh* yang lain pula mengatakan bahawa pada kurun masihi yang kedelapan iaitu pada tahun 758, sudah ada saudagar-saudagar arab Islam di Tanah Besar China di suatu tempat bernama zaitun iaitu pelabuhan besar dan dalam bahasa Cina tempat ini disebut Guangzhou, iaitu Canton sekarang, dan orang Cina di tempat ini yang beragama Islam disebut “orang Guangtong” oleh orang-orang Melayu.

Dengan keterangan ini nyatalah bahawa Islam telah terlebih dahulu kembang di Tanah Besar China datangnya ke gugusan pulau-pulau Melayu ini. (Kita percaya, kalau dijalankan

penyelidikan yang rapi, akan ternyata bahawa Islam telah (tersiar di gugusan pulau-pulau Melayu serentak dengan kemasukannya di negeri China pada permulaan kurun masihi yang kedelapan – P. Q.) dan sekarang lebih dari 30,000,00 orang Islam berada di sana sekalipun kuasa *Communist* sentiasa menindas perkembangan Islam di negeri China itu.

#### Islam Berkembang ke Gugusan Pulau-Pulau Melayu:

Oleh kerana kepulauan Melayu ini terdiri dari berpuluh-puluh buah pulau-pulau yang mempunyai nama masing-masing, maka eloklah kalau saya terangkan tempat-tempat atau pulau-pulau

<p>Kitab Sejarah untuk Sekolah-Sekolah</p> <p>Sejarah Ringkas</p> <p><b>Muhammad</b></p> <p><i>ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam</i></p> <p>Disusun oleh Edrus. Sejarah</p> <p>ringkas junjungan kita Muhammad (SAW) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.</p> <p>Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.</p> <p>Senaskah \$1.20</p>	<p>Sudah siap</p> <p>Pos 10 sen.</p>
---	--------------------------------------

yang terpenting sahaja didatangi oleh Islam itu dan dimulakan seperti berikut:

#### Sumatera dengan Perkembangan Islam

Kira-kira pada akhir kurun masihi yang kedelapan, Islam mula berkembang di gugusan pulau-pulau Melayu ini. Tempat-tempat yang mula-mula sekali menerima kedatangan Islam ialah Sudara atau Pasai, terletak di sebelah utara pulau Sumatera atau lebih terkenal pada masa itu dengan nama Pulau Percha. Sebagaimana tersebut dalam sejarah Melayu dan begitu juga catitan ahli *tārīkh* yang lain mengatakan bahawa Merah Silau ialah Raja Pasai yang mula-mula sekali memeluk agama Islam dan setelah Islam bergelar Sultan al-Mālik al-Ṣālih, mangkat pada tahun 1277 masihi, sebagaimana terukir *tārīkh* wafatnya pada batu nisannya. Orang yang mengIslamkan raja itu ialah Shaykh ‘Isma‘īl dari Jeddah kata setengah ahli *tārīkh*, dan kata yang lain pula, datang dari India dan asalnya pun India dan seorang lagi temannya bernama Raja Muhammad, dari negeri Ma‘bar (Malabar) di India. Menurut ceritanya Shaykh ‘Isma‘īl singgah di Ma‘bar dalam perlayarannya ke Pasai, maka Raja Muhammad pun turun dari takhta kerajaannya dan menggantikan puteranya menjadi raja negeri itu. Baginda bersama-sama Shaykh ‘Isma‘īl berlayar ke Pasai untuk mengembangkan agama Islam di sana.

Menurut catitan Marco Polo seorang pengembara bangsa Itali ketika dia singgah di Pasai pada tahun 1292 dalam perjalanannya kembali dari tanah China katanya: “Di sebelah utara Sumatera banyak orang Islam.”

Di dalam *tārīkh* China pula tersebut bahawa pada tahun 1281 masihi, ada dua utusan Raja Jambi

namanya Shamsuddin dan Sulaiman datang mengadap Maharaja China. Maka dari nama kedua utusan itu taulah kita bahawa utusan itu ialah orang Melayu Jambi yang beragama Islam, dan orang-orang Islam di sana telah pun mulai memegang peranan utama dalam urusan negeri.

Di xxx pula ada didapati kubur-kubur orang Islam yang tercatat *tārīkh* matinya pada batu-batu nisan seperti kubur Raja Kamil *bertārīkh* 7 Jamadil Awwal 707 Hijriyyah, bersamaan tahun 1210masihi, dan begitu juga kubur Panglima Ya'kub *bertārīkh* 15 Muharram 730 Hijriyyah bersamaan tahun 1232 masihi, dari nama kedua-dua orang ini dapatlah diketahui bahawa mereka ialah orang Melayu yang beragama Islam.

Dengan keterangan yang telah saya sebutkan tadi bahawa agama Islam telah berkembang di Sumatera Utara sebelum tahun masihi 1292. Namun begitu perlulah pembaca-pembaca dan ahli *tārīkh* mengadakan penyelidikan yang lebih mendalam bagi mendapatkan suatu kepastian yang jitu dalam menentukan bilakah Islam mula bertapak di Sumatera itu. Dan soal ini tidaklah boleh diabaikan terutama oleh cerdik pandai kita dalam zaman merdeka ini dan janganlah dibiarkan bangsa lain mendahului kita di dalam menyasat perkara yang bersangkutan dengan kita sendiri.

Pada tahun 1550 semua penduduk Sumatera kecuali Batak telah beragama Islam. Begitulah cepatnya Islam meresap di jiwa penduduk-penduduk pulau itu dan menjadi subur dan berkembang hingga hari ini dan Sumateralah kubu Islam yang kuat sekali di gugusan pulau-pulau Melayu.

Ahli-ahli *tārīkh* bertelingkahan pendapat pada menentukan di manakah tempat yang mula-mula didatangi Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini dan di bilakah masanya. Oleh itu eloklah

rasanya saya paparkan beberapa pendapat mereka yang berlain-lain di antara satu dengan lain itu supaya dapat menjadi panduan kepada pembaca-pembaca yang budiman untuk menyelidiki lebih dalam lagi akan soal ini. Semoga dapat pula pembaca-pembaca memberi teguran yang membina andai kata kedapatan keterangan-keterangan yang saya catitkan di sini tidak tepat atau tidak betul. Dengan memberikan keterangan-keterangan yang lebih jitu lagi.

**(Bahagian yang kedua – bahagian penutup – akan disiarkan dalam bilangan yang akan datang. Seyogianya disebut, dalam suratnya kepada Qalam, Saudara Miyaris, penulis makalah ini menyatakan, meskipun makalahnya ini pernah tersiar dahulu, tetapi beliau berharap dapat kiranya disiarkan oleh Qalam, “kerana majalah Qalam dibaca oleh sebahagian besar umat Islam di tanah air dan di seberang lautan juga.”**

- P. Q.)

Khusyukkah sembahyang tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

**Sujudlah kepada Tuhanmu!**

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku *serial syarahan 2*

yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.